



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT PUAN LIM HUI YING  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

PROGRAM MINDA SIHAT, KOMUNITI SEJAHTERA

14 MAC 2026 (SABTU)

DESA MENTARI

Terima kasih Pengacara Majlis.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**Tuan Mohd. Zaini bin Saleh,**

Pengerusi Komuniti MADANI Desa Mentari,

**Profesor Mahendhiran Nair,**

Pro Naib Canselor (Penyelidikan dan Kelestarian) Sunway University dan  
Pengerusi Program Pembangunan Komuniti Sunway Desa Mentari,

**Tuan Haji Sadli bin Osman,**

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) / Pendaftar Lembaga Kaunselor Malaysia  
(LKM)

**Profesor Chai Lay Ching,**

Pro Naib Canselor (Akademik, Kebolehpasaran graduan dan Alumni) Sunway  
Universiti,

Wakil dari Kementerian, agensi, Sunway University serta Warga Desa Mentari  
yang saya kasihi sekalian.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Pertama sekali, saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada  
**Lembaga Kaunselor Malaysia, Sunway University, komuniti Desa Mentari,**  
dan semua rakan strategik yang telah berganding bahu menjayakan Program  
“**Minda Sihat, Komuniti Sejahtera**” hari ini.

Program ini membawa tema “**Sembang. Rehat. Saling Jaga.**” – tiga perkara mudah, tapi sangat penting dalam menjaga kesejahteraan mental kita.

- **Sembang** – luangkan masa untuk berbual dan berkongsi perasaan,
- **Rehat** – beri ruang untuk diri kita tenang dari tekanan hidup,
- **Saling jaga** – bukan bermaksud ikut campur, tapi prihatin terhadap jiran, keluarga, dan orang di sekeliling.

Hadirin semua,

KPWKM sentiasa menitikberatkan kesejahteraan semua golongan masyarakat – wanita, kanak-kanak, warga emas, OKU, dan keluarga.

Melalui agensi kementerian, pelbagai bentuk bantuan dan sokongan disediakan kepada mereka yang memerlukan. Program kita hari ini juga salah satu cara KPWKM dan Sunway University memberi pendedahan tentang kesejahteraan mental kepada masyarakat.

Berdasarkan NHMS 2023, lebih kurang satu juta rakyat Malaysia berumur **15 tahun ke atas** mengalami kemurungan, dan angka ini semakin meningkat.

Lebih membimbangkan, **4.6%** orang dewasa dan **16.5%** kanak-kanak serta remaja menghadapi masalah kesihatan mental. Tapi ingat, di sebalik angka-angka ini, ada anak, ibu, bapa, atau jiran kita yang sedang berdepan tekanan dan cabaran kehidupan.

Hadirin yang dihormati,

Selain rawatan perubatan, perkhidmatan kaunseling profesional juga sangat penting. Lembaga Kaunselor Malaysia memastikan setiap kaunselor berdaftar memberi perkhidmatan yang selamat, profesional, dan beretika.

KPWKM juga memperkenalkan Kempen “**Awak OK Tak?**”, bertujuan:

- Tingkatkan kesedaran tentang kesejahteraan emosi,
- Hapus stigma terhadap isu kesihatan mental,
- Galakkan mereka yang memerlukan untuk dapatkan bantuan melalui Talian Kasih 15999, yang beroperasi 24/7.

Program hari ini juga ingin menekankan bahawa sokongan mental boleh bermula di komuniti kita sendiri. Hanya dengan berbual santai, aktiviti keluarga, dan hubungan kejiwaan yang erat, kita sudah boleh membantu seseorang merasa lebih tenang dan disokong.

Hadirin semua,

Saya ingin memberi penghargaan khas kepada semua yang menjayakan program ini. **Lebih 100 pelajar** dan pengurusan Sunway University turut terlibat – satu bukti bahawa generasi muda juga prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat.

Pemimpin dan komuniti Desa Mentari juga hebat kerana menunjukkan bahawa kekuatan masyarakat terletak pada semangat kebersamaan dan saling menyokong. Tahniah dan syabas!

Jika kita terus menguatkan pendekatan seperti ini, saya yakin ia bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental, malah membina masyarakat yang lebih empati, prihatin, dan berdaya tahan.

Sambil itu, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua penduduk Desa Mentari. Semoga perayaan ini lebih ceria, penuh bermakna, dan diraikan bersama keluarga tersayang.

Akhir kata, satu perkara penting yang saya ingin tekankan:

Kesihatan mental bukan sekadar isu klinikal – ia adalah isu kemanusiaan, kesejahteraan keluarga, dan kekuatan komuniti.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Minda Sihat, Komuniti Sejahtera.

Berjalan-jalan ke tepi pantai,  
Melihat perahu berlayar jauh.  
Sembang, rehat, saling jaga,  
Hidup harmoni hati pun tenang dan indah.

Ketupat lebaran dimakan ramai,  
Serunding sambal menambah selera.  
Selamat Hari Raya Aidilfitri saya ucapkan,  
Semoga ceria, harmoni, dan mesra semua warga.

Terima kasih semua!